



24 Mei (Hari Raya Aidilfitri)

Muslim di Singapura sambut Hari Raya Aidilfitri dengan mengadakan solat Hari Raya di rumah dan mengikuti khutbah yang disampaikan Mufti Dr Nazirudin Mohd Nasir secara dalam talian.

1 Julai

Semua pesakit pernafasan berusia 13 tahun dan ke atas harus menjalani swab bagi Covid-19.

10 Julai

Hari mengundi: Orang ramai terpaksa beratur panjang untuk mengundi, sebahagiannya kerana langkah jarak selamat yang dilaksana.

31 Julai (Hari Raya Aidiladha)

8,750 ruang solat di 65 masjid ditawarkan bagi solat Hari Raya Haji.



25 Ogos

331 kes baru Covid-19 dilaporkan, bilangan paling rendah sejak 22 Mac.

28 Sept

Sebahagian pekerja dibenar kembali ke pejabat dan perjalanan perniagaan dibenarkan bagi pihak tertentu.

26-30 Oktober

Acara perdagangan Minggu Tenaga Antarabangsa Singapura (SIEW) diadakan dengan berjaya sebagai acara hibrid fizikal dan di dalam talian, membuka laluan bagi acara sedemikian diadakan semula.

22 Nov

Gelembung perjalanan Singapura-Hong Kong ditangguh selepas bilangan jangkitan melonjak di Hong Kong.

FASA KETIGA

14 Disember

- PM Lee umum Singapura akan melangkah ke Fasa Ketiga pembukaan semula negara pada 28 Disember.
- Lebih ramai orang akan dibenar berada di tempat-tempat awam pada satu masa.
- Sehingga lapan orang dibenar berkumpul secara sosial, seperti makan luar bersama.
- Warga Singapura akan menerima vaksin Covid-19 percuma, tetapi ia tidak dijadikan mandatori.

MEI

JUN

JULAI

OGOS - NOVEMBER

DESEMBER

1 Jun

Tempoh pemutus litar berakhir dan Singapura memasuki Fasa Pertama pembukaan semula ekonomi. Ibu bapa serta datuk dan nenek dibenar menerima sehingga dua pengunjung dari isi rumah sama.

NORMA BARU

2 Jun

Sekolah dibuka semula, tetapi hanya sebahagian pelajar perlu menghadiri kelas secara fizikal.

8 Jun

46 masjid dibuka bagi solat lima waktu, dari 5.30 pagi hingga 7 pagi dan dari 1 tengah hari hingga 9 malam. Masjid-masjid lain akan dibuka secara lebih terhad, bergantung pada permintaan.

19 Jun

- Fasa kedua pembukaan semula bermula, dengan Menteri Kesihatan Gan Kim Yong berkata ia adalah langkah penting ke arah mencapai norma baru yang selamat semasa pandemik ini.
- Restoran dan tempat makanan dibenar dibuka semula dan lima orang dibenar berkongsi semeja
- Tempat riadah, bersukan dibuka semula
- Upacara akad nikah di rumah dengan 10 tetamu
- Sehingga 20 orang boleh menghadiri pengebumian.

24 Jun

Pendaftaran dalam talian bagi menempah ruang solat Jumaat di masjid dibuka.



26 Jun

- 66 masjid mulakan semula solat jemaah harian, bagi lima waktu dan solat Jumaat.
- Setiap waktu solat dihadkan kepada 50 jemaah yang telah membuat tempahan berjaya di dalam talian.
- Ini adalah kali pertama dalam sekitar tiga bulan masjid mengadakan solat Jumaat.